

**JAWAPAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI**  
**[ KUALA KRAI ]**

**TARIKH :**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian lakukan untuk membendung golongan anti vaksin dan apakah Kementerian sudah bersedia merangka satu Rang Undang-undang mewajibkan pemvaksinan di kalangan bayi di Malaysia.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius kesan yang diakibatkan oleh golongan vaksin kepada kesan baik Program Imunisasi yang telah kita nikmati sekarang. KKM telah menjalankan pelbagai aktiviti bagi dakyah ini. Antaranya:

- i. Penjaga atau individu yang telah dikenalpasti akan diberikan kaunseling individu atau berkumpulan;
- ii. Menyediakan informasi berkaitan vaksin dan imunisasi dalam pelbagai medium (bercetak dan elektronik);
- iii. Melantik advokator imunisasi di peringkat klinik bagi meningkatkan penerimaan program ini termasuk menggunakan khidmat Panel Penasihat Klinik;
- iv. Mengingkatkan pengetahuan dan memberi latihan kepada kakitangan kesihatan khususnya yang terlibat dalam Program Imunisasi supaya mereka boleh menjawap persoalan orang ramai dengan lebih tepat dan meyakinkan;

- v. Bekerjasama dengan badan professional lain seperti *Malaysian Paediatric Association* (MPA) dan *Malaysian Society of Infectious Disease Chemotherapy* mempromosi imunisasi dengan mewujudkan laman sesawang [www.immunise4life.my](http://www.immunise4life.my);
- vi. Mengadakan sambutan Minggu Imunisasi pada setiap minggu keempat bulan April;
- vii. Meningkatkan kerjasama lain-lain agensi terutama semasa pra-pendaftaran ke pusat asuhan, pra-sekolah, taska, tadika dan sekolah; dan
- viii. Memperkuuh sistem surveyan bagi memantau masalah dan impak terhadap masyarakat dan negara.

KKM telah memperuntukkan sebanyak dua (2) juta ringgit pada tahun 2016 ini bagi menjalankan kempen di seluruh negara. Dalam masa yang sama terus memperkuuhkan sistem penyampaian kesihatan dan memperkasakan masyarakat untuk sama-sama bertindak menangani isu-isu berkaitan vaksin dan imunisasi.

### **Tuan Yang Dipertua,**

Pada masa ini KKM tidak berhasrat untuk mengubal sebarang undang-undang mewajibkan imunisasi. Pemerksaan umat dijangka akan lebih memberi kesan baik untuk jangka panjang. Fokus Kementerian akan diberikan kepada kumpulan-kumpulan ibubapa muda yang belum atau sedang membuat keputusan mengenai imunisasi termasuk mereka yang berada di pusat-pusat pengajian tinggi. Manakala penguatkuasaan undang-undang ke atas ibubapa yang menolak imunisasi ini akan memberi kesan sosial yang besar seperti anak terpisah daripada ibubapa yang dipenjarakan.

Saya menyeru Yang Berhormat – Yang Berhormat membantu menyedarkan masyarakat agar membuat pilihan yang bijak dalam penjagaan kesihatan mereka dan anak-anak di bawah tanggungjawab mereka, serta sentiasa mendapatkan maklumat perubatan dan kesihatan dari sumber-sumber yang sahih.